

02/04/2004

2 Arena milik siapa?

Matzidi Dris

KUALA LUMPUR: Juara pertandingan memancing Grand Slam (GS) Joran 2003/04 di Sedili, Johor, Mei ini akan membawa pulang hadiah perdana Proton Arena tajaan Proton Edar Sdn Bhd (Proton Edar) bernilai RM80,000,

Juara Kategori Laut Dalam akan memandu pulang model Proton Arena Fastback manakala jagoan Kategori Pantai menerima model Proton Arena Freestyle.

Proton Arena 1.5L yang menjadi idaman semua peserta dilancarkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di Dataran Putrajaya, pada 7 November 2002. Kereta berasaskan model Wira 1.5L dibangunkan untuk memenuhi cita rasa pengguna yang menjalankan usaha niaga kecil-kecilan, sederhana dan mempunyai gaya hidup moden. Kereta itu dijual dengan harga daripada RM36,799 hingga RM41,815 seunit di pasaran.

Ketua Komunikasi Pemasaran Proton Edar, Yusri Yusuf, berkata reka bentuk luaran yang paling ketara model itu ialah penggunaan rim sport bersaiz 14 inci dengan siri tayar yang bersesuaian untuk pelbagai kegunaan.

Beliau berkata Arena dihasilkan untuk memberikan pengalaman pemanduan baru sesuai dengan gaya hidup aktif dan pelbagai dengan menggabungkan ciri lasak dan anggun.

Katanya, model pikap pertama Proton ini direka untuk memberikan nikmat pemanduan seperti kereta tetapi berupaya mengangkut barangan hingga 570 kilogram.

"Dibangunkan de atas kerangka yang dibina khusus, Proton Arena menggunakan pegas gegelung seperti yang digunakan Wira Salun di depan dan spring kepingan di belakang.

"Arena menggunakan enjin 1.5L 12-injap EFI yang digunakan pada Proton Wira serta sistem pengurusan enjin EMS 400 pacuan roda depan dengan lima kelajuan manual," katanya.

Proton Edar mengambil bahagian dalam penajaan pertandingan memancing GP Joran berikutan kesesuaian model Arena untuk aktiviti rekreasi seperti kegiatan memancing.

Yusri berkata Proton Arena sesuai untuk kegiatan berniaga kecil-kecilan dan sederhana, juga memenuhi cita rasa pengguna bagi program riadah dan rekreasi.

"Justeru, Proton Edar sebagai pengedar kenderaan PROTON dan basikal berteknologi T-Bikes, berharap dapat mempromosi model Proton yang bersesuaian dengan cara hidup yang lebih sihat, selaras dengan matlamat serta objektif kami.

"Dalam kejohanan seumpama ini, hubungan antara pelanggan dengan kami juga dapat dieratkan," katanya.

Beliau berkata Proton Edar akan terus menyokong program sukan seperti ini, terutamanya untuk memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk lebih mengenali dan mendalami ciri-ciri yang ditawarkan melalui model Proton. Proton Edar boleh dihubungi melalui talian bebas tol 1-800-888-398.